

R GB 10-12 00215 BH480

bah

Mahathir - Usul

KERAJAAN MUNGKIN PINDA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan menimbangkan kemungkinan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengetepikan kekebalan undang-undang yang diberikan kepada Raja-raja.

Katanya, tindakan itu mungkin diambil bagi memastikan kes raja menyalahgunakan kuasa seperti kejadian jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez, dipukul Sultan Johor di Istana Bukit Serene, Johor Baharu pada 30 Nov lepas tidak berulang.

+Kita kena cari apa juga jalan yang kita boleh tentukan supaya perkara ini tidak berlaku lagi dan untuk menentukan ini saya ingat perkara kekebalan raja patutlah dicari jalan supaya tidak ada lagi,+ katanya ketika ditanya pemberita di Bangunan Parlimen, di sini, selepas menghadiri perbahasan usul Raja Berperlembagaan yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba.

Katanya, perbahasan usul itu jelas menunjukkan bahawa semua pihak, termasuk parti pembangkang, tidak senang hati dengan apa yang telah berlaku dan ingin supaya tindakan diambil khususnya supaya tidak ada lagi pengecualian atau kekebalan dalam perkara yang melibatkan hak rakyat.

Menurut beliau, hasil perbahasan usul itu akan dibincangkan oleh Majlis Tertinggi UMNO malam ini, Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada hari Sabtu dan mesyuarat kabinet minggu depan. -- Lagi

▼10/12/20-57MST

R GB 10-12 00156 BH481

bah

Mahathir - Usul 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kes-kes jenayah membabitkan Sultan Johor, selain kes Gomez, yang dibangkitkan oleh beberapa anggota Dewan Rakyat semasa perbahasan usul itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan pernah mendengar perkaratersebut tetapi tidak mendapat laporan dan pengaduan yang sah untuk bertindak.

+Hanya kali ini nampak rakyat sendiri menyuarakan tentangan mereka apabila berlaku kes hoki (Gomez) dan nampak rakyat jelas tidak senang hati,+ katanya.

Katanya, kes Gomez mendakwa dipukul Sultan Johor telah menyebabkan perasaan rakyat begitu meluap-luap sehinggakan tiada pendapat yang berbeza didengari termasuk di Dewan Rakyat yang telah mendapat sokongan sepenuhnya dari semua anggota.

Menurut beliau, kes-kes selain kes Gomez yang dibangkitkan di Dewan Rakyat hari ini akan dirujuk kepada Peguam Negara kerana ia membabitkan polis dan undang-undang.

Ketika ditanya sama ada usul itu akan dibawa kepada perhatian Majlis Raja-raja, beliau berkata, perkara tersebut akan dikaji terlebih dahulu. -- Bernama

▼10/12/21-00MST